

MAJLIS DAERAH MUAR UTARA TANGKAK

**UNDANG – UNDANG KECIL
MENGKOMPAUN KESALAHAN
(AKTA 171)**

UNDANG – UNDANG KECIL	NO / TARIKH WARTA	TARIKH KUATKUASA
Undang – Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan (Akta 171) (MDMU)	J.P.U. 20 (B.I) – 14.2.1991 J.P.U. 20 (B.M) – 14.2.1991	14.2.1991 14.2.1991



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 35
No. 4

14hb. Februari, 1991

TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN

J. P.U. 20.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)
(MAJLIS DAERAH MUAR UTARA, TANGKAK)
KERAJAAN TEMPATAN 1988

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Muar Utara dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama dan pemakaian.

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Muar Utara, Tangkak) Kerajaan Tempatan 1988 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Muar Utara sahaja.


(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun.

2. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82 (5), 91, 107, 109, 140 (2) (a), 160 dan 161 Akta itu boleh dikompaun oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Muar Utara atau oleh Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis Daerah tersebut yang telah diberi kuasa bertulis oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Muar Utara, Tangkak.

(2) Kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang kecil yang diperbuat menurut Akta tersebut boleh dikompaun oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (1) atau mana-mana Pembantu Undang-Undang atau Pegawai Pendakwa Majlis Daerah Muar Utara.

(3) Tawaran mengkompaun kesalahan-kesalahan adalah sah bagi tempoh 21 hari mulai dari tarikh tawaran dibuat.



3. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun satu kesalahan tidak boleh lebih daripada lima ratus ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah Akta itu, atau tidak boleh lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah suatu undang-undang kecil.

Wang yang
dikehendaki
dipungut
dan cara
pembayaran.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriinan wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Muar Utara, Tangkak dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi jika bayaran dihantar melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Muar Utara, Tangkak.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Daerah Muar Utara, dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

4. Borang dalam Jadual ini hendaklah digunakan bagi membuat Borang bagi suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana tawaran mengkompaun yang perlu.

JADUAL

(UNDANG-UNDANG KECIL 4)

TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan.....

....., Tarikh....., Waktu.....

Tempat.....

Butir-butir kesalahan.....

2. Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Majlis Daerah Muar Utara) Kerajaan Tempatan 1988, saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak \$..... (Ringgit

.....). Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau, dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Muar Utara, dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut.....

Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Muar Utara; suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempoh pada.....
Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembincangan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada.....haribulan.....19....

*Yang Dipertua/ Setiausaha,
Majlis Daerah Muar Utara*

**(Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun, dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatanganinya).*

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Muar Utara

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan..... dan bertarikh..... saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No..... bagi sebanyak..... bagi menjelaskan kompaun itu.

Tandatangan.....

Nama (Huruf Besar).....

Alamat.....

Tarikh.....

Diperbuat pada 25hb. Januari, 1987.
[MDMU. 9/87/B/PB.]

*DATO' HAJI HASHIM BIN YAHYA,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Muar Utara,
Tangkak*

Disahkan pada 17hb. Ogos, 1988.
[K.T. 24/69/1.]

*MENTERI BESAR,
JOHOR*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

**LOCAL GOVERNMENT (COMPOUNDING OF OFFENCE)
(MAJLIS DAERAH MUAR UTARA TANGKAK) BY-LAWS 1988**

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local *Act 171.* Government Act 1976, the Majlis Daerah Muar Utara makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

1. (1) These by-laws may be cited as the Local Government (Compounding of Offences) (Majlis Daerah Muar Utara) By-laws 1988 and shall apply only to the area of Majlis Daerah Muar Utara. Citation and application.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette.*

2. (1) Offences under sections 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 91, 107, 109, 140(2)(a), 160 and 161 of the said Act may be compounded by the President of Majlis Daerah Muar Utara or by the Secretary or any officer of the said Majlis authorised by the President of the said Majlis. Compoun-
dable
offences and
persons who
may com-
pound.

(2) Offences under the by-laws made pursuant to the said Act may be compounded by any of the persons mentioned in paragraph (1) or by any Legal Assistant or Prosecuting Officer or any officer authorised in writing by the President of the said Majlis.

(3) The offer to compound offences shall be valid for 21 days from the date of the offer.

3. (1) The sum of money to be collected for compounding an offence shall not exceed five hundred ringgit, if the offence is under the Act or two hundred and fifty ringgit, if the offence is under a by-law. Sum to be
collected
and method
of payment.

(2) Payment of the sum must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order, or banker's draft made payable to the President of Majlis Daerah Muar Utara and crossed "Account Payee Only".

(3) Payment may be delivered personally to the person making the offer to compound, but, if sent by post, shall be addressed to the President of Majlis Daerah Muar Utara.

(4) Every payment received must be accounted for as money belonging to the Majlis Daerah Muar Utara and an official receipt shall be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.

4. The form in the Schedule shall be used for making an offer to compound but may be modified as necessary. Form for
offer to
compound.

SCHEDULE
(BY-LAW 4)
OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To:

.....
.....
.....

Sir/Madam,

Reference:

It appears to me, on information/complaint received, that you have committed the following offence:

Relevant Provision of the Law.....

Date..... Time.....

Place.....

Particulars of Offence.....

.....

.....

.....

2. You are hereby informed that, by virtue of the authority conferred on me by the Local Government (Compounding of Offences) (Majlis Daerah Muar Utara) By-Laws 1988, I am prepared and hereby offer, to compound the offence for the sum of \$..... (Ringgit.....)

If this offer is accepted, payment shall be made in cash or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the President of Majlis Daerah Muar Utara and crossed "Account Payee Only" and may be delivered personally to me at the following address.....

Payment by post shall be addressed to the President of Majlis Daerah Muar Utara, an official receipt will be issued upon payment.

3. This offer will lapse on..... If full payment of the sum stated above is received by the close of business on the date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence. Otherwise, prosecution will be instituted without further notice.

Dated this day of 19

.....
President/Secretary,
District Council of
Majlis Daerah Muar Utara

*(To be signed by the person authorised to compound, whose name and designation must appear below the signature).

President of Majlis Daerah Muar Utara,

I refer to the offer to compound an offence bearing reference.....
..... and dated.....

I accept the offer and enclose herewith cash/money order/postal order/
cashier's order/banker's order/banker's draft No.....
for the sum of.....in full settlement of
the compound.

Signature.....

Name (Block Letters).....

Address.....

Dated.....

Made this 25th day of January, 1987.
[MDMU. 9/87/B/PB.]

DATO' HAJI HASHIM BIN YAHYA,
President,
District Council Muar North

Confirmed this 17th day of August, 1988.
[K.T. 24/69/1.]

MENTERI BESAR,
JOHOR

